



**SIARAN MEDIA**  
**JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Peniaga dipelawa sertai jualan akhir tahun Brunei *Salebration* (BSb) 2019**

---

Tarikh: 18 Oktober 2019

1. Brunei *Salebration* kembali pada penghujung tahun ini. Acara jualan yang dinantikan ini akan diadakan di sepanjang bulan Disember 2019 dan Januari 2020 selama 62 hari. Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Kementerian Kewangan dan Ekonomi mengalu-alukan penyertaan para peniaga runcit dari pelbagai sektor untuk sama-sama mengambil bahagian dalam usaha kerajaan mempromosi 'berbelanja di Brunei' bagi meningkatkan penggunaan domestik dan aktiviti perekonomian.
2. Brunei *Salebration* juga menjadi salah satu acara utama yang akan diadakan bagi menyokong pengiktirafan Bandar Seri Begawan sebagai Ibu Negara Ketamadunan Islam di Rantau Asia bagi tahun 2019 dan acara Brunei *Salebration* juga turut bertepatan dengan berlangsungnya *Brunei December Festival*.
3. Pada tahun lepas, acara jualan yang popular ini telah menarik penyertaan sebanyak 567 buah peniaga runcit dari pelbagai sektor termasuk gedung-gedung perniagaan, kedai-kedai perabot, kedai-kedai butik dan kasut, salon-salon kecantikan dan kesihatan, kedai-kedai buku dan sukan, kedai-kedai barangan kemas dan seumpamanya.
4. JPKE mempelawa semua peniaga untuk memainkan peranan masing-masing dalam mempromosi Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi membeli belah yang menarik dengan menawarkan pelbagai jenis barangan dan perkhidmatan pada harga yang kompetitif. Bagi menggalakkan lebih ramai penyertaan pada tahun ini, JPKE telah memberikan lebih fleksibiliti dengan meniadakan syarat potongan diskaun minima ke atas barangan atau perkhidmatan yang dijual. Para peserta juga akan dipaparkan di dalam aplikasi mudah-alih PenggunaBijak (bagi iOS dan Android) bagi tujuan publisiti khusus kepada para pembeli.
5. Dengan menawarkan potongan harga dan diskaun yang menarik dan kreatif, Brunei *Salebration* 2019 adalah peluang terbaik bagi para peniaga menarik para pelanggan berkunjung ke premis perniagaan dan meningkatkan kesetiaan pelanggan.

6. JPKE ingin mengingatkan para peserta untuk sentiasa menjalankan perniagaan dan aktiviti jualan murah secara beretika dengan mematuhi Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar), 2011 dan Peraturan Paparan Tanda Harga. Pematuhan ke atas Perintah dan peraturan tersebut akan memberikan manfaat kepada para peniaga dengan meningkatkan keyakinan pelanggan dan kredibiliti syarikat. JPKE turut mengingatkan para peniaga untuk mempamerkan harga barangan dan diskaun dengan jelas bagi memastikan ketelusan harga serta membolehkan para pengguna membuat pilihan semasa pembelian. Selaras dengan Peraturan-Peraturan Jualan Murah, Notis-Notis Jualan yang dikeluarkan oleh JPKE hendaklah dipaparkan dengan terang dan jelas di setiap premis perniagaan masing-masing.
7. Para peniaga yang berhasrat untuk menyertai acara Brunei *Salebration* 2019 bolehlah menghadapkan Borang Makluman Jualan bermula hari ini sehingga 19 November 2019.
8. Borang Makluman tersebut boleh dimuat turun dari laman sesawang JPKE iaitu [www.depd.gov.bn/cad](http://www.depd.gov.bn/cad) dan borang yang lengkap boleh dikembalikan melalui emel [sales@jpke.gov.bn](mailto:sales@jpke.gov.bn) atau terus ke kaunter di alamat berikut:

Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna  
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi  
Bilik 3.06, Tingkat 3, West Wing  
Blok 2A, Jalan Ong Sum Ping  
Bandar Seri Begawan BA1131  
Negara Brunei Darussalam

9. Sebarang pertanyaan mengenai Brunei *Salebration* 2019 boleh disalurkan kepada JPKE melalui aplikasi mudah alih "PenggunaBijak", emel ([sales@jpke.gov.bn](mailto:sales@jpke.gov.bn)) atau talian 2230223 (semasa waktu bekerja).

### Logo Brunei *Salebration* 2019



In support of  2019 بڠډر سري بڠاوان كپتال اسلامي ٢٠١٩  
BANDAR SERI BEGAWAN CAPITAL OF ISLAMIC CULTURE 2019  
بڠډر سري بڠاوان عاصمه الثقافه الاسلاميه ٢٠١٩



**PRESS RELEASE**  
**DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT**  
**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

**Retailers urged to participate in national end-of-year sales**

---

Date: 18 October 2019

1. Brunei *Salebration* is back at the end of the year. The much-anticipated event will run for the whole of December 2019 and January 2020 over a total of 62 days. The Department of Economic Planning and Development (JPKE), Ministry of Finance and Economy, encourages participation by retailers from all sectors to take the opportunity to be a part of the national effort to promote 'spend in Brunei' to boost domestic consumption and economic activities.
2. The Brunei *Salebration* 2019 is also one of the key events lined up in support of Bandar Seri Begawan's recognition as the Asian Region's Capital of Islamic Culture for 2019 and it coincides with the Brunei December Festival 2019.
3. Last year's iteration of the popular sales event attracted participation from 567 retailers across sectors, including department stores, furniture stores, boutiques and footwear shops, health and beauty salons, sports and bookstores, jewellers and many others.
4. JPKE encourages all businesses to play their part in promoting Brunei Darussalam as an enticing shopping destination by offering a wide range of goods and services at competitive prices. To encourage more participation this year, JPKE has provided greater flexibility for businesses by removing conditions on minimum requirement for discounts on their goods and services. Participating stores will also be featured in the 'SmartConsumer' mobile app (for iOS and Android) to gain more publicity and increase their visibility to shoppers.
5. By offering creative deals and substantial discounts, Brunei *Salebration* 2019 is an excellent opportunity for businesses to draw more shopper traffic and build customer loyalty.
6. JPKE reminds participants to conduct business and sales activities in an ethical manner in compliance with the Consumer Protection (Fair Trading) Order, 2011 and the Display of Price Regulations. Compliance to the Order and regulations will benefit businesses to maintain if not enhance consumer confidence and business credibility. JPKE also reminds retailers that goods and discounts are to be

appropriately displayed to ensure price transparency, to enable consumers to make informed purchase decisions. In addition, in line with the Cheap Sales Price Regulations, Sales Notices issued by JPKE must be displayed clearly in participating business premises.

7. Retailers who are interested to be part of the Brunei *Salebration* 2019 may submit Sales Notifications beginning today to 19 November 2019.
8. The Sales Notification form is downloadable from JPKE's website at [www.depd.gov.bn/cad](http://www.depd.gov.bn/cad) and submission can be done by email to [sales@jpke.gov.bn](mailto:sales@jpke.gov.bn) or walk in to:

Department of Competition and Consumer Affairs  
Department of Economic Planning and Development  
Room 3.06, Level 3, West Wing  
Block 2A, Jalan Ong Sum Ping  
Bandar Seri Begawan BA1131  
Negara Brunei Darussalam

9. Any business inquiries related to the event can be directed to JPKE through the *PenggunaBijak* mobile app, email ([sales@jpke.gov.bn](mailto:sales@jpke.gov.bn)) or by phone to 2230223 (during office hours).

#### **Brunei *Salebration* 2019 Logo**



In support of  **بندر سري بڠاوان ايونڠسارا كئتمدونن إسلام 2019**  
**BANDAR SERI BEGAWAN CAPITAL OF ISLAMIC CULTURE 2019**  
**بندر سري بڠاوان عاصمة الثقافة الإسلامية ٢٠١٩**